



KETERANGAN DAN TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MELALUI SEMPADAN DARAT MULAI 1 OGOS 2022

JUMLAH POS PEMERIKSAAN DI POS KAWALAN IMIGRESEN DAN KASTAM	AGENSI:
Pembukaan pos pemeriksaan pasport dan kenderaan di pos kawalan imigresen dan kastam di Pos Kawalan Imigresen dan kastam Sungai Tujoh, Daerah Belait	JIPK JKED

KETERANGAN

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK):

Pada masa ini, terdapat **14 kaunter pemeriksaan imigresen bagi keluar dan masuk** bagi kategori kenderaan biasa, komersial, bas dan juga bagi pejalan kaki di Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):

JKED akan memantau pergerakan kenderaan, orang dan barang-barang yang dibawa melalui pos-pos kawalan darat dengan bantuan kerjasama daripada JIPK, Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang berkenaan.

Secara minimum, jumlah kaunter pemeriksaan kenderaan biasa akan **dibuka sebanyak 2 buah di Bahagian masuk dan 2 buah di Bahagian keluar**.

Walau bagaimanapun, JKED dan JIPK akan sentiasa bersedia untuk membuka tambahan kaunter pemeriksaan tertakluk kepada keperluan dan keadaan semasa.

Bagi membantu orang ramai yang belum berkemahiran untuk **membuat pendaftaran, permohonan dan pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP) (sebanyak BND3 setiap seorang bagi satu hala perjalanan)**, kiosk **Exit and Entry System (EES)** disediakan di setiap pos-pos kawalan dan pegawai-pegawai JKED boleh memberikan bantuan jika diperlukan.

Selain daripada itu, orang ramai yang memerlukan **bantuan khusus** ke atas penggunaan EES, dialu-alukan untuk hadir ke:

- **Kaunter Unit Perkhidmatan Pelanggan di Ibu Pejabat, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Jalan Menteri Besar**
 - **Waktu pejabat beroperasi:** Isnin hingga Khamis dan Sabtu
 - **Jam:** 8 pagi hingga 11:30 pagi dan 1:30 petang hingga 3:30 petang.

TATACARA PEJALAN KAKI DAN PARA PENUMPANG BAS	AGENSI:
Tatacara bagi pejalan kaki dan para penumpang bas	JIPK JKED JPD
KETERANGAN	

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK):

Para penumpang bas dan pejalan kaki diperlukan untuk **melaporkan diri di Kaunter Pemeriksaan Imigresen di Terminal Bas** di Pos Kawalan yang ditetapkan. Penumpang-penumpang bas dikehendaki untuk turun bagi proses pemeriksaan imigresen.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):

Setiap individu termasuk pejalan kaki adalah dikehendaki untuk **mendapatkan Pas Kod QR EES yang mengesahkan pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP)** telahpun dijelaskan, sebelum tiba di pos kawalan.

Manakala bagi penumpang bas pula, ianya adalah menjadi **tanggungjawab pengendali dan pemandu bas berkenaan untuk mendaftarkan dan memastikan semua penumpang yang ikut serta di dalam bas telahpun membuat pembayaran CaP.**

Jabatan Pengangkutan Darat (JPD):

JPD hanya mengawal pengeluaran permit bagi kenderaan bas yang hendak keluar/masuk Negara Brunei Darussalam.

Mana-mana bas yang mempunyai permit yang sah saja dibolehkan untuk keluar/masuk Negara Brunei Darussalam. Bas *operator* yang memasuki Negara Brunei Darussalam hendaklah melapor ke Pos Kawalan JPD.

CUKAI MEMBAWA MASUK BARANGAN	AGENSI:
Kadar cukai dan tatacara pembayaran di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	JKED

KETERANGAN

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):

Sebilangan barangan yang dibawa masuk akan **dikenakan cukai dan sebilangannya tidak**. Percukaian barangan adalah berdasarkan kepada ***Brunei Darussalam Tariff and Trade Classification (BDTTC) 2017*** yang telahpun berkuatkuasa sejak 1 April 2017.

Pembayaran cukai yang dibawa masuk oleh penumpang atau pejalan kaki bolehlah dibuat di:

- **Kaunter Pembayaran:** Mana-mana cawangan pos kawalan masuk
- **Kaedah pembayaran:** Wang tunai atau kad debit / kredit.

Selain daripada itu, terdapat juga barangan yang **memerlukan kebenaran daripada agensi-agensi yang mengawal** walaupun ianya bagi tujuan peribadi atau persendirian. Sebagai contoh:

Barangan:	Di bawah kawalan:
• Produk-produk makanan	Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA)
• Beras, gula dan garam	Jabatan Perbendaharaan
• Tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan	Jabatan Pertanian dan Agri-Makanan
• Alat telekomunikasi	Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi
• Produk ubat-ubatan dan kosmetik	Jabatan Perkhidmatan Farmasi

Bagi maklumat lanjut mengenai barang-barang bercukai dan yang memerlukan permit atau kebenaran daripada agensi yang berkaitan, orang ramai bolehlah melayari laman-laman sesawang atau media sosial:

- **Laman sesawang JKED:**
 - <https://bdnsw.mofe.gov.bn> dan <https://tradingacrossborders.mofe.gov.bn>
- **Laman sesawang MOFE:** www.mofe.gov.bn
- **Akaun Instagram & Facebook:** Mofebrunei

Selain itu, orang ramai juga boleh menghubungi:

- **Unit Perkhidmatan Pelanggan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja**
- **Telefon:** 2382361 / 8323741
- **Emel:** info@customs.gov.bn

SARANAN KEPADA ORANG RAMAI	AGENSI:
Saranan kepada orang ramai untuk melancarkan perjalanan	JIPK JKED MOH
KETERANGAN	

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK):

- Memastikan **passport/dokumen perjalanan dalam keadaan baik dan masih mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum mansuh serta mempunyai ruang mukasurat kosong yang mencukupi** untuk mengelakkan sebarang masalah dan kesulitan semasa membuat urusan perjalanan masuk dan keluar negeri.
- **Mengatur dan merancang perjalanan dengan sebaiknya dan mengambil perhatian terhadap waktu beroperasi Pos-Pos Kawalan Imigresen.**

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):

- Bagi mengelakkan perjalanan biskita tergendala, orang ramai diingatkan/dinasihatkan untuk:
 - **Sentiasa peka dengan peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur** yang berkuatkuasa pada masa ini.
 - Bijak mengatur perjalanan dan memilih masa yang bersesuaian bagi mengelakkan kesesakan di pos-pos kawalan kerana di peringkat awal ini pos kawalan darat beroperasi **mulai 6:00 pagi hingga 6:00 petang setiap hari.**
 - Mendapatkan **Pas Kod QR EES** sebelum tiba di Pos Kawalan, dengan membuat **permohonan dan pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP)** melalui laman sesawang EES: <http://login.bdns.gov.bn/ees>
 - Memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang bertugas semasa pemeriksaan lanjut dijalankan ke atas barangan mereka.

Port Health, Kementerian Kesihatan (MOH):

- **Memenuhi syarat vaksinasi** dan menyediakan dokumen-dokumen yang sah seperti **vaksinasi rekod;**
- **Melengkapkan Borang Deklarasi Ketibaan E-Health** melalui laman web: <https://www.healthinfo.gov.bn/travel>
- Bagi individu-individu yang dipersyaratkan untuk mendapatkan insuran, mereka diperlukan untuk mempunyai **Sijil insuran perubatan perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19** (perlindungan minimum insuran sebanyak BND\$20,000) semasa membuat perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam.